



# SOKONGAN UNTUK KETERANGKUMAN KETIDAKUPAYAAN DI MALAYSIA

## Ringkasan Eksekutif<sup>1</sup>

Kajian ini meninjau pendapat orang kurang upaya dewasa, serta ibubapa, ahli keluarga, penjaga kanak atau orang dewasa yang kurang upaya, dan warga sokongan ketidakupayaan, termasuk ahli sukarelawan, pekerja dan ahli professional dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ketidakupayaan. Secara keseluruhan, di Malaysia individu-individu tersebut merupakan antara 30% hingga 40% golongan pengundi. Walaupun daripada latar-latar belakang yang berbeza, mereka bersependirian dalam menyokong hak dan keperluan golongan kurang upaya.

710 orang responden itu memberi maklumat mengenai ketidakupayaan dan status pengundian mereka, serta pandangan mereka mengenai keterangkuman ketidakupayaan oleh parti politik atau calon politik. Ahli politik dan parti politik, terutamanya mereka yang mengejar pelantikan sebagai Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, sebaiknya mengambil kira pandangan daripada kalangan pengundi yang berkaitan dengan ketidakupayaan dan golongan OKU. Kebanyakan daripada golongan kurang upaya adalah pengundi berdaftar yang gigih membuang undi, meskipun berdepan dengan cabaran.

Kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa golongan kurang upaya lebih cenderung untuk membuang undi mereka kepada parti politik atau calon yang menyokong dasar keterangkuman golongan OKU, dan menzahirkan sokongan mereka dalam manifesto di samping mempunyai rekod menambahbaikkan peluang-peluang untuk orang kurang upaya.

### Golongan Pengundi Berkaitan dengan OKU: Isu-isu Utama

Pandangan golongan ini, yang merupakan sebahagian besar daripada masyarakat awam, adalah jelas – Kerajaan semasa dan mana-mana wakil rakyat seharusnya memberi tumpuan kepada:

- Meningkatkan keterangkuman dalam pekerjaan (meluaskan dan menambahbaikkan peluang-peluang pekerjaan);
- Meningkatkan keterangkuman dalam pendidikan (keterangkuman dalam kelas-kelas aliran perdana/umum);

<sup>1</sup> Dokumen ini merupakan Ringkasan Eksekutif bagi terbitan bertajuk "Sokongan untuk Keterangkuman Ketidakupayaan di Malaysia" (2022). Terbitan ini disediakan dalam tiga format yang boleh dicapai oleh orang Buta dan orang yang mengalami kecacatan percetakan lain: format PDF bolehcapai; EPUB; DAISY. Dokumen ini merupakan terbitan pertama di Malaysia yang disediakan dalam ketiga-tiga format boleh capai.

- Menguatkuasakan hak-hak orang kurang upaya.

Ketiga-tiga isu utama ini membabitkan cabaran seharian yang diharungi oleh kanak-kanak dan orang dewasa kurang upaya. Kebanyakan masalah ini hanya mencatatkan sedikit perubahan dalam dekad-dekad yang lalu.

### **Kegagalan untuk Melaksanakan dan Menambahbaikkan Akta Orang Kurang Upaya 2008**

Pihak Kerajaan dan penggubal undang-undang perlu sedar bahawa pindaan kepada Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 untuk memasukkan kuasa punitif tidak diberi penilaian setinggi bidang-bidang lain. Akta OKU 2008 diilhamkan oleh Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Namun pihak kerajaan dan wakil-wakil rakyat tidak menyumbangkan sumber-sumber yang diperlukan untuk meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan. Oleh itu, akta dan konvensyen tersebut kurang diketahui oleh rakyat Malaysia, dan mempunyai kesan terhad dalam menambahbaikkan kehidupan orang kurang upaya, keluarga mereka, dan individu yang berkaitan. Adalah penting sekali untuk menyemak semula Akta OKU 2008, untuk memberi skop dan kuasa yang diperlukan untuk menegakkan hak orang kurang upaya.

### **Nota Khas mengenai Pendaftaran Orang Kurang Upaya**

Sebahagian daripada individu kurang upaya dalam kajian ini tidak mempunyai Kad OKU (pendaftaran orang kurang upaya) kerana menganggap bahawa pemilikan kad tersebut membawa kepada stigma, ataupun tidak membawa sebarang manfaat. Oleh itu, terdapat sekumpulan 'ghaib' yang tidak termasuk dalam data pendaftaran kebangsaan mengenai orang kurang upaya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu lebih bersungguh dalam menghapuskan stigma pendaftaran, terutamanya dalam kalangan jabatan kerajaan (khususnya Jabatan Pendidikan). Pendekatan yang lebih bersasar diperlukan untuk memudahkan pendaftaran ketidakupayaan kumpulan ghaib ini.

Calon-calon yang ingin bertanding di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, mahupun wakil rakyat sedia ada, digesa supaya melaksanakan syor-syor dalam kajian ini.

Antara syor-syor utama kajian tersebut adalah seperti berikut:

Wakil rakyat dan calon Parlimen atau Dewan Undangan Negeri hendaklah:

- Berusaha, secara bersepadu dan berterusan, untuk meningkatkan kesedaran terhadap Akta OKU 2008 dan CRPD dan hak-hak yang termaktub dalam kalangan orang awam, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.
- Meminda Akta OKU 2008 untuk memberi skop dan kuasa yang diperlukan untuk menegakkan hak orang kurang upaya.
- Mengukuhkan program-program bantuan berkaitan dengan ketidakupayaan, dan

sokongan dasar, di negeri-negeri Pantai Timur dan di Malaysia Timur.

- Menghasilkan manifesto politik yang menerapkan keterangkuman ketidakupayaan, dan melaksanakan pelan tindakan yang merangkumi ketidakupayaan sebagai salah satu usaha tadbir urus yang baik.
- Mengadakan perbincangan dengan orang kurang upaya, ibubapa kanak-kanak kurang upaya dan golongan penjaga, untuk memahami cabaran yang dihadapi.
- Melibatkan orang kurang upaya, ibubapa kanak-kanak kurang upaya, ahli keluarga / penjaga orang kurang upaya dalam mana-mana proses pengambilan keputusan yang mempunyai kesan terhadap mutu hidup, kesihatan, pendidikan, pembelajaran sepanjang hayat, dan peluang pekerjaan orang kurang upaya.
- Menambahbaikkan keterangkuman dan kebolehcapaian sistem pendidikan dan latihan vokasional, serta sektor pekerjaan, bagi orang kurang upaya.
- Memanfaatkan sumbangan orang kurang upaya kepada ekonomi serta masyarakat di peringkat kebangsaan dan tempatan.

### Suruhanjaya Pilihan Raya dan Kerajaan:

Hapuskan semua halangan, untuk meningkatkan kebolehcapaian pendaftaran pengundian dan proses membuang undi untuk setiap warganegara yang layak mengundi, termasuk individu-individu yang berbagai ketidakupayaan, dan meningkatkan kebolehcapaian tempat mengundi untuk pengundi berdaftar. Dasar kerajaan dan penggubal undang-undang perlu celik dan fasih dengan peralihan tumpuan abad ke-21 kepada hak dan keterangkuman orang kurang upaya dalam masyarakat (model hak dan sosial), dan meninggalkan model ikhsan dan kebajikan yang makin lapuk.



Foto: Acara Pra-Pandemik. Sumber: Persatuan WeCareJourney